

MH17
DITEMBAK

UMPAMA MEDAN PERANG



» Serpihan badan, komponen pesawat berselerak di sekitar lokasi nahas seluas 20 kilometer persegi

↳ Donestk

Tidak mampu saya gambarkan detik-detik akhir yang dialami oleh 298 penumpang dan anak kapal pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 selepas pesawat itu ditembak menggunakan peluru berpandu pada ketinggian 30,000 kaki sebelum terhempas lalu meletup.

Sukar juga dibayangkan suasana dalam pesawat ketika ia menjunam di zon peperangan berhampiran sempadan Russia dan Romania itu. Adakah mereka masing-masing memeluk anak, isteri dan suami masing-masing.



Wartawan BH melihat serpihan bahagian ekor pesawat MH17 yang terhempas di Grabovo.

BH 25/7/14 MS 6

Apa pula yang dilakukan enam sekeluarga warga Malaysia dari Kuching. Adakah mereka masing-masing berpegangan tangan atau sama-sama berdoa sambil menanti apa yang berlaku seterusnya.

Terburuk dalam sejarah

Itulah yang mampu difikirkan sejurus tiba di lokasi utama tragedi MH17 di Grabovo pagi semalam, yang disifatkan sebagai terburuk dalam sejarah penerbangan dunia.

Lokasi terhempas umpama medan perang. Serpihan badan dan komponen pesawat berselerak di sekitar lokasi nahas seluas 20 kilometer persegi dengan sebahagian besarnya adalah ladang gandum penduduk kampung.

Impak letupan yang kuat dengan keseluruhan badan pesawat, termasuk bahagian enjinnya musnah, membuatkan saya membayangkan tiada apa yang mampu dilakukan oleh penumpang dan kru ketika kejadian.

Turut ditemui adalah bagasi yang mempunyai tag nama Tambi Jiee,

49, dipercayai milik enam sekeluarga dari Sarawak itu. Ahli keluarganya yang lain ialah Ariza Ghazalee, 46; dan anak mereka, Muhammad Afzal Tambi, 19; Marsha Azmeena Tambi, 15; dan Marsha Afruz Tambi, 13 tahun.

Baju batik pakaian seragam pramugari MAS juga ditemui bertaburan.

Saya juga sebak melihat banyak patung permainan di sekitar lokasi nahas. Amat malang sekali nasib pesawat dari Amsterdam ke Kuala Lumpur yang membawa bersama puluhan penumpang kanak-kanak dan bayi yang ditakdirkan berakhir di sini.

Masuk hari keenam tragedi semalam, tiada lagi bau busuk mayat menusuk hidung selepas hampir semua mayat berjaya dikeluarkan oleh petugas Kementerian Kecemasan Ukraine dan Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama Eropah (OSCE) di bawah kawalan ketat tentera pemisah.

Bagaimanapun, bau terbakar dan bahan bakar pesawat masih dapat



Ditahan tentera pemisah 45 minit

BH 25/7/14 MS 7

“Siapa Presiden Ukraine (Petro Poroshenko)... adakah anda kenal beliau dan bagaimana anda melihat beliau mentadbir negara ini,” tanya tentera pemisah sejourus saya dan dua rakan setugas memasuki wilayah bergolak ini malam kelmarin.

Belum pun reda penat selepas menempuh perjalanan 12 jam dari Kiev, kira-kira 800 kilometer di timur Ukraine, saya, wartawan *Harian Metro*, Yusri Abd Malek dan jurugambar Khairul Ghazali ditahan tentera pemisah lengkap bersenjata selama 45 minit dengan pelbagai soalan provokasi diajukan, termasuk tujuan sebenar ke wilayah ini.

Mujur pengalaman bertugas di zon perang, sebelum ini banyak membantu kami ber-tenang dan tidak mencetuskan provokasi yang boleh menimbulkan rasa kurang senang tentera pemisah.

Diarah segera ke hotel

Masalah bahasa untuk berkomunikasi yang sering dialami di Russia dan negara bekas jajahan Soviet Union agak merumitkan keadaan. Namun selepas diberitahu kami dari Malaysia, selain diperjelaskan tujuan mahu ke lokasi nahas MH17 di Grabovo, kira-kira 80 kilometer dari sini, kami dibebaskan, seterusnya diarahkan segera pulang ke hotel penginapan.

Atas faktor keselamatan juga, kami dinasihatkan tidak

Republik Rakyat Donetsk, turut menempatkan penembak hendap bagi mengekang cubaan tentera Ukraine menawan wilayah ini.

Kami memperjudikan nasib memilih laluan darat ke Donetsk bagi meninjau lebih dekat lokasi nahas MH17 yang mengorbankan 298 penumpang dan anak kapal, berikutan satu-satunya lapangan terbang di sini musnah diserang tentera Ukraine.

Perjalanan amat sukar

Malah, penulis diberikan amaran oleh seorang rakan berbangsa Ukraine di Kiev bahawa perjalanan ini amat sukar, bukan hanya disebabkan kedudukan Donetsk yang agak jauh berhampiran sempadan Russia dan Romania, malah faktor keselamatan dengan sekurang-kurangnya 13 sekatan jalan raya perlu dilalui untuk sampai ke sini.

Pemisah pro-Russia menguasai sepenuhnya bandar ini dan mereka menuntut daripada Ukraine bagi mewujudkan sebuah republik yang bebas merdeka.

Bunyi letupan artileri dan tembakan perka biasa di bandar ini, terutama menjelang senja dan tengah malam.

Berikutan konflik yang berlanjutan tanpa penyelesaian, ia tidak ubah seperti ‘bandar hantu’ apabila sebahagian besar penduduk melarikan diri ke beberapa bandar berhampiran di Russia dan Romania.



dihidu, selain kehadiran banyak lalat menunjukkan kemungkinan masih ada sisa atau cebisan badan mangsa di lokasi nahas.

Namun, saya dimaklumkan kerja-kerja mencari mayat dan cebisan badan mangsa MH17 dihentikan sejak kelmarin berikutan tiada jaminan keselamatan di tempat kejadian, lebih-lebih lagi ia antara lokasi pertempuran kumpulan pemisah dan tentera Ukraine.

Malah, ketika tinjauan, kedengaran bunyi tembakan dari kawasan agak hampir dengan lokasi nahas yang memaksa saya mengarahkan pemandu segera beredar sebagai langkah keselamatan.

Seperti dilaporkan media asing sebelum ini, tiada kawalan keselamatan di lokasi nahas oleh agensi bertanggungjawab melakukan siasatan, menyebabkan tempat kejadian bebas dimasuki orang awam, terutama penduduk kampung berhampiran.

Geledah bagasi

Tidak cukup dengan hanya me-

nyentuh dan mengalihkan bahan bukti yang berperanan penting dalam membantu siasatan, ada yang menggeledah bagasi anak kapal dan penumpang sebelum melarikan pelbagai barangan berharga, termasuk wang tunai.

Sementara itu, kumpulan pakar aeroangkasa negara diketuai Pengarah Kejuruteraan dan Penyelenggaraan MAS, Azahari Dahlan meneruskan usaha mengumpulkan bahan bukti bagi membantu siasatan.

Selain Azahari, kumpulan itu

“**Saya dimaklumkan kerja-kerja mencari mayat dan cebisan badan mangsa MH17 dihentikan sejak kelmarin berikutan tiada jaminan keselamatan di tempat kejadian**”

Wartawan BH

turut dianggotai dua pegawai kanan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Mohd Naemy Fahimy Mustafa dan Kapten Phillip Joseph Selvaraju yang sebelum ini terbabit dalam siasatan tragedi MH370.

Namun, usaha mendapatkan maklum balas mereka sukar kerana dikawal ketat pegawai OSCE, Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan tentera pemberontak.

Berdasarkan keadaan di lokasi, proses siasatan dijangka sukar, malah besar kemungkinan serpihan badan pesawat tidak akan dibawa keluar dari tempat kejadian berikutan keselamatan yang tidak terjamin.

Justeru, satu-satunya pilihan yang ada adalah penemuan kotak hitam, termasuk perakam data penerbangan MH17 yang kini berada di United Kingdom (UK) untuk merungkai tragedi hitam ini, sekali gus mencari jawapan punca pesawat itu jatuh dan siapa yang bertanggungjawab, seterusnya membela kematian mangsa.



keluar malam berikutan perintah berkurang dikuatkuasakan dari jam 11 malam hingga 5 pagi sejak teretusnya peperangan dengan tentera Ukraine.

Malah, di beberapa lokasi strategik di bandar ini, kumpulan pemisah yang menggelarkan diri mereka Tentera

Yang pasti, tragedi MH17 yang didakwa ditembak jatuh kumpulan pemisah boleh disifatkan sebagai mangsa geopolitik antara Kerajaan Ukraine dan kumpulan pemisah pro-Russia.



Wartawan BH **disoal siasat** tentera pemisah di laluan utama ke kawasan nahas.